

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017**

5226/2

Tasawwur Islam
Kertas 2
Ogos
2017
2 ½ jam

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 1 halaman kosong

Soalan 1 mesti dijawab , Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya

1. (a) “ Dan Kami tidak mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) seseorang rasul pun melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah)melainkan Aku; oleh itu beribadatlah kepada Aku”.
- (Maksud surah al-Anbiya. 21: ayat 25)
- (i) Firman Allah SWT diatas menjelaskan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berhak disembah sebagaimana yang dijelaskan dalam tauhid uluhiyyah.
Apakah yang dimaksudkan dengan tauhid Uluhiyyah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep tauhid Uluhiyyah. [4 markah]
- (b) Dan Dialah (tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; setiap satunya beredar terapung-apung ditempat peredaran masing-masing (diangkasa lepas)
- (Maksud surah al-Anbiya',21 ayat 33)
- (i) Ayat al-Quran diatas menjelaskan tentang penciptaan alam ini.
Apakah yang dimaksudkan dengan alam [2 markah]
- (ii) Apakah yang perlu anda lakukan bagi memastikan alam ini sentiasa berada dalam keadaan selesa untuk didiami. [4 markah]
- (c) Jelaskan peranan agama dalam membentuk masyarakat yang bertamadun [4 markah]
- (d) Ajaran sesat ialah sebarang ajaran yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.
- Bincangkan cara yang anda dapat lakukan bagi menghindarkan diri daripada ajaran tersebut ?. [4 markah]
2. (a) Agama wadie (budaya) merupakan agama yang diciptakan oleh manusia, mengikut fahaman mereka sendiri.
- Senaraikan **dua** ciri agama budaya. [2 markah]
- (b) Wasatiyyah (sederhana) merupakan salah satu prinsip waqiiyyah. Nyatakan **dua** contoh yang menunjukkan bahawa Islam bersifat sederhana (wasatiyyah) dalam beribadat. [4 markah]

- (c) Islam sentiasa menjaga hak asasi manusia, selaras dengan konsep Alamiyyah. Apakah yang akan berlaku sekiranya hak asasi tersebut tidak diberikan. [4 markah]
- (d) Islam memberikan kelonggaran kepada umatnya mengerjakan solat secara jamak dan qasar semasa dalam keadaan bermusafir berdasarkan konsep murunah. Berikan **dua** hikmah daripada kelonggaran tersebut. [4 markah]
- (e) Antara prinsip syumuliyyah ialah Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi.
- (i) Nyatakan **dua** prinsip syumuliyyah yang lain. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti ajaran Islam bersifat syumuliyyah dalam bidang ekonomi [4 markah]
3. (a) Negara Islam mempunyai prinsip yang tersendiri yang membezakannya dengan negara bukan Islam.
- (i) Senaraikan **empat** prinsip negara Islam. [4 markah]
- (ii) Huraikan matlamat pembentukan negara Islam [4 markah]
- (b) Sistem kehakiman merupakan antara unsur terpenting bagi menjamin keselamatan dan keadilan dalam sesebuah negara.
- (i) Senaraikan **dua** etika sistem kehakiman Islam [2 markah]
- (ii) Bincangkan **dua** kesan sekiranya hakim tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul dalam sesuatu perbicaraan dimahkamah. [4 markah]
- (c) Kelebihan sifat tawakal ialah akan meningkatkan keimanan dan kebergantungan kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh
- Bincangkan cara anda merealisasikan sifat tawakal dalam menghadapi peperiksaan. [6 markah]

4. (a) Harta merupakan milik mutlak Allah SWT yang mesti di uruskan dengan sebaik mungkin sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Islam.
- (i) Mengapakah Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** sebab Islam menyuruh umatnya menceburi bidang pekerjaan yang halal. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** budaya kerja yang perlu diikuti oleh setiap pekerja muslim semasa bekerja [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** matlamat sistem muamalah Islam [4 markah]
5. (a) Antara matlamat perundangan Islam ialah untuk menjaga keturunan manusia.
- (i) Terangkan **dua** cara merealisasikan matlamat perundangan tersebut [4 markah]
 - (ii) Huraikan **dua** kepentingan memelihara keturunan [4 markah]
- (b) Islam melarang umatnya melakukan perkara haram. Bincangkan hikmah disyariatkan hukum haram [4 markah]
- (c) Ibadat merupakan tunjang keimanan kepada Allah SWT yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim dengan sempurna.
- (i) Nyatakan jenis-jenis ibadat dan contohnya sekali [4 markah]
 - (ii) Jelaskan perkaitan antara ibadat dengan perundangan [4 markah]

- 6 (a) (i) Jelaskan **dua** langkah dalam penyelesaian masalah menurut Islam [2 markah]
- (ii) Mengapakah sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam [4 markah]
- (b) Kecemerlangan dalam pendidikan akan melahirkan bangsa yang berilmu dan maju.
- (i) Nyatakan **dua** kelebihan orang yang berilmu [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang pelajar bagaimanakah anda dapat mencapai kecemerlangan dalam pendidikan [6 markah]
- (c) Dakwah merupakan salah satu cara menyelesaikan masalah secara Islam
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan dakwah [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara anda berdakwah di sekolah [4 markah]
7. (a) Ahmad ingin membesarkan perniagaannya, tetapi beliau kekurangan modal.
- (i) Jelaskan kepada Ahmad bagaimana sistem muamalah Islam dapat membantu beliau menambahkan modal perniagaannya [4 markah]
- (ii) Jelaskan keistimewaan sistem muamalah Islam. [4 markah]
- (b) Faizul telah memberikan sejumlah wang kepada pegawai polis supaya tidak mengambil tindakan keatas beliau yang menunggang motorsikal tanpa lesen
- (i) Berdasarkan situasi diatas Faizul telah terlibat dengan rasuah. Jelaskan maksud rasuah ? [2 markah]
- (ii) Bincangkan kesan buruk rasuah kepada keselamatan negara [4 markah]
- (c) Pernikahan amat dituntut dalam Islam bagi melahirkan zuriat yang suci
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan nikah ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan perkahwinan dalam melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera [4 markah]